



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



SIARAN MEDIA

PENYERTAAN MALAYSIA BERSAMA MERCU TANDA SELURUH DUNIA BAGI MENYALAKAN MENARA KL SEBAGAI TANDA KESATUAN DALAM MENANGANI PENYAKIT TROPIKAL TERABAI (NTD)

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, 29 JANUARI 2021 – Tanggal 30 Januari, 2021 menandakan tahun kedua penganjuran Hari Penyakit Tropikal Terabai (*Neglected Tropical Diseases, NTD*) Sedunia. Malaysia menyertai komuniti global dalam memberi komitmen membanteras NTD demi membebaskan generasi akan datang daripada belenggu penyakit yang dikaitkan dengan kemiskinan. Lebih daripada 1.7 bilion penduduk di seluruh dunia terkesan oleh NTD yang bertanggungjawab dalam menyebabkan ribuan kematian yang boleh dicegah setiap tahun. Bukan itu sahaja, NTD juga menyebabkan ketidakupayaan yang mendorong kitaran kemiskinan yang berterusan di kalangan berjuta-juta manusia.

Kementerian Kesihatan Malaysia dan Institut Penyelidikan Klinikal (ICR), Institut Kesihatan Negara, Malaysia bersama-sama *Crown Prince Court of Abu Dhabi, Bill & Melinda Gates Foundation, Carter Center, The END Fund, Uniting to Combat NTD, Drugs for Neglected Diseases initiative (DNDi)* dan juga lebih daripada 300 agensi kerajaan, kesihatan, komuniti serta peneraju perniagaan, akan menggunakan kesempatan ini bagi merencanakan pelbagai aktiviti yang bermakna dalam menyokong usaha untuk menghapuskan NTD.

“Kami amat berbangga menyertai Hari NTD Sedunia bersama-sama dengan 23 negara lain di seluruh dunia sebagai tanda solidariti global bagi menangani Neglected Tropical Diseases (NTD)”

Tan Sri Dato’ Seri Dr. Noor Hisham Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dianggarkan lebih daripada 1.7 bilion orang dijangkiti NTD, atau bersamaan dengan 24 peratus daripada populasi dunia. Dengan menyertai solidariti ini, Malaysia dapat membantu dalam meningkatkan keprihatinan kepada pahit getir dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat yang hidup dengan ancaman NTD setiap hari.

Walaupun Malaysia merupakan negara berpendapatan sederhana tinggi, kita masih tidak bebas dari NTD. Denggi, jangkitan virus bawaan nyamuk merupakan penyebab utama morbiditi dan kematian di Malaysia. Pada tahun 2019, lebih daripada 130,000 kes denggi direkodkan. Ini menunjukkan kenaikan 61 peratus berbanding tahun 2018 (Crisis Preparedness Response Centre (CPRC), KKM, 2018).

Wabak Penyakit Rabies masih dilaporkan di Malaysia, terutama di negeri yang terletak di sempadan negara. Di antara tahun 2017-2020, terdapat 29 kematian daripada 31 kes yang direkodkan di Sarawak, Malaysia. Menurut Dr Noor Hisham, Rabies di Malaysia boleh dielakkan dengan mengambil langkah berjaga-jaga seperti mendapatkan rawatan segera sekiranya telah mengalami gigitan haiwan liar serta mengawal pergerakan anjing liar di kawasan sempadan. Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelan tindakan anti-rabies termasuklah pengawasan yang ketat, vaksinasi terhadap haiwan peliharaan dan pengurusan haiwan liar secara berterusan dalam mengawal dan menghapuskan wabak rabies.

Penyakit bawaan vektor juga dititikberatkan dan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia secara berterusan menjalankan penyelidikan untuk lebih memahami dinamik penyakit tropikal. NTD yang tidak dirawat akan mengakibatkan kemorosotan kognitif dan ketidakupayaan, malah dalam keadaan yang lebih parah boleh menyebabkan malnutrisi serta kematian. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama dalam menghapuskan

penyakit yang boleh dicegah ini, di saat seluruh dunia menunjukkan empati dan kesedaran terhadap ancaman penyakit berjangkit.

Tumpuan seluruh dunia terhadap krisis **#COVID19** telah mengalihkan sumber serta perhatian daripada isu penyakit kritikal global lain seperti NTD, lantas memburukkan lagi risiko kesihatan terhadap golongan rentan.

"Kita perlu memanfaatkan *big data analytics* dan program *multi-sectoral evidence-based* bagi membasmi *Neglected Tropical Diseases (NTD)*"

Dr. Hishamshah Mohd Ibrahim
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Sempena kempen ini, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah melancarkan pelan tindakan pada 28 Januari 2021. ***"Ending the neglect to attain the Sustainable Development Goals: a road map for neglected tropical diseases 2021-2030"*** telah dilancarkan secara rasmi pada 28 Januari 2021 oleh Dr Tedros Adhanom Ghebreyesus, Ketua Pengarah WHO.

Terdapat peluang untuk menerapkan kerjasama yang julung kali berlaku sebelum krisis **#COVID19** ini untuk menangani NTD. Ia merangkumi perkongsian antara sektor dan antara industri, membina kehendak politik yang kuat, dan menjana sumber yang diperlukan untuk mencapai kejayaan mutlak.

Sekalung penghargaan kepada Menara KL atas sokongan Hari NTD Sedunia 2021. Untuk maklumat lanjut, sila layari - <https://worldntdday.org/>

TAMAT